

ANALISIS AL-MA' DALAM AL-QUR'AN DARI ASPEK BAHASA ARAB
Analysis of al-Ma' in the Qur'an through Arabic Lingual Aspects

Muhamad Khairul Anuar Zulkepli, Md. Nor Abdullah, Suhaila Zailani@Ahmad
rose_mujahid@yahoo.com, monab@ukm.edu.my, suzail@ukm.edu.my
Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

ABSTRAK

Al-ma' atau air merupakan antara keperluan utama yang dianugerahkan kepada manusia dan sekalian makhluk. Kewujudan air di alam ini adalah bukti kekuasaan Allah yang Maha Agung dan ia dijelaskan melalui al-Qur'an yang menjadi pegangan hidup orang Islam. Badan manusia umpamanya terdiri daripada komposisi air yang meliputi sistem peredaran darah. Begitu juga permukaan bumi terdiri daripadanya adalah air. Berdasarkan al-Qur'an, terdapat beberapa perkataan *al-ma'* yang telah dinyatakan oleh pengkaji terdahulu. Namun, perkataan tersebut fokus kepada perbincangan *al-ma'* dalam al-Qur'an. Perincian terhadap pengulangan perkataan *al-ma'* dalam semua ayat al-Qur'an yang berbeza tidak dinyatakan. Penggunaan perkataan *al-ma'* dalam ayat-ayat yang berbeza tidak dinyatakan adakah penggunaannya dari sudut bahasa Arab dan sebagainya sama atau sebaliknya. Kekurangan dan kelemahan tersebut menjadi lompangan utama yang perlu dikaji. Justeru, kajian ini bertujuan untuk menganalisis perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an dan melihat penggunaannya dari sudut bahasa Arab. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Al-Qur'an dijadikan sumber utama untuk mengenalpasti dan menganalisis perkataan *al-ma'*. Data dianalisis secara deskriptif dengan berpandukan pendapat para ilmuan terdahulu berkaitan isu yang dibangkitkan oleh mereka. Hasil kajian mendapati bahawa perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an menampilkan aspek bahasa Arab dan ia mampu dibuktikan melalui pemilihan kata, *ikhtisas*, tatabahasa Arab, retorik dan *nazm al-Qur'an*.

Kata kunci: *al-ma'*, al-Qur'an, Bahasa Arab.

Diserahkan: 14November 2017

Diterima: 5 Mac 2018

ABSTRACT

Al-ma' or water is one of the main requirements that are bestowed upon mankind and all beings. The existence of water in this universe is His supreme proof of authority and it is explained through the Qur'an which is the foundation of human life. Human bodies, for example, consist of water compositions that include the circulatory system. Similarly, the surface of the earth consists of a surface of water. Based on the Qur'an, there are some al-ma' words that have been mentioned by previous researchers. However, the word focuses on al-ma' discussion in the Qur'an. The details on the repetition of al-ma' in all the different verses of the Qur'an are not detailed. The use of the word al-ma' in different verses does not specify whether the use of the Arabic language and so forth is the same or otherwise. The shortcomings and weaknesses are the major deficiencies that need to be studied. Hence, this study aims to analyze al-ma' in the Qur'an and see its use in the Arabic language. This study is a qualitative study using document analysis design. The Qur'an was the main source for identifying and analyzing al-ma' words. The data were analyzed descriptively based on the opinions of previous scholars on the issues raised by them. The findings show that the word al-ma' in the Qur'an features aspects of Arabic and it can be proven through the selection of words, professions, Arabic grammar, rhetoric and nazm al-Qur'an.

Keywords: *al-ma', Qur'an, Arabic language*

1.0 PENGENALAN

Air merupakan nikmat terbesar yang dianugerahkan kepada sekalian makhluk di atas muka bumi ini. Ia menjadi elemen terpenting kepada kehidupan yang wujud di bumi ini kerana ia mencakupi sistem kehidupan manusia. Tiga per empat daripada permukaan bumi adalah berkomposisikan air. Begitu juga tubuh manusia berkomposisikan air yang sebatu dalam sistem peredaran badan. Air yang wujud di bumi ini terdiri daripada sumber-sumber yang tersendiri seperti air laut, hujan, mata air dan wadi.

Secara amnya, air yang dinyatakan ini mengandungi konsep tersendiri sepertimana telah digariskan oleh para pengkaji. Dari sudut saintifik, air merupakan suatu senyawa kimia berbentuk cecair yang tidak berwarna, tidak berbau dan mempunyai rasa. Air wujud dalam bentuk cecair, gas dan pepejal. Ia mempunyai rumusan kimia iaitu H₂O yang terdiri daripada oksigen dan hidrogen (Tjutsu Susana, 2003). Dari sudut bahasa pula, air dalam bahasa Arab disebut menerusi perkataan *al-ma'* dan ia berasal daripada perkataan مَوّه. Perkataan الماء, الماه dan الماءة ialah tiga perkataan yang mempunyai sama makna iaitu air. Asal bagi perkataan الماء ialah ماء dan *hamzah* pada perkataan tersebut menggantikan huruf yang asalnya ialah *ha'* (Ibn Manzur, 1999).

Pada asasnya, perbincangan tentang *al-ma'* dalam al-Qur'an telah dijelaskan oleh para pengkaji terdahulu dan kesinambungan daripada kajian tersebut masih diteruskan hingga kini. al-^cAbadasah (2002), memberikan penjelasan secara terperinci tentang lafaz *al-ma'* dalam al-Qur'an. Air yang wujud di atas muka bumi ini mengandungi sumber tersendiri. Pertama, air yang terpancar dari bumi dan sumber kedua diperolehi daripada air yang turun dari langit. Air yang terkandung dalam al-Qur'an mengandungi beberapa nama berdasarkan lafaz tertentu dan antaranya ialah *al-matar*. Umumnya, air hujan ialah air yang turun dari langit dan memberikan kebaikan kepada manusia, tanaman, haiwan dan sebagainya.

Muhammad (2010), dalam kajiannya menyentuh perbincangan tentang perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an dari aspek *dilalah*. Perbincangan difokuskan kepada perkataan *al-matar*, *ghayth*, *al-bahr*, *al-yam*, *al-sahab*, *al-muzn*, *al-jub*, *al-bi'r*, *al-ras*, *al-^cuyun* dan *al-yanabi^c*. Menurutinya, semua perkataan tersebut mempunyai makna hampir sama tetapi tidak menjustifikasikan padanan makna yang tepat kerana al-Qur'an tidak pernah mengaplikasikan dua perkataan berbeza yang memberikan makna sama dan tepat. al-Sayyid (2015) dalam

kajiannya mengupas tentang perkataan dalam al-Qur'an yang menginterpretasikan makna baru dalam struktur ayat. Terdapat struktur binaan baru dalam al-Qur'an yang mempamerkan makna baru berdasarkan konteks ayat. Contohnya perkataan hujan iaitu *al-ghayth* dan *al-matar*. Kedua-dua perkataan tersebut wujud dalam puisi Arab dan kebanyakan penyair zaman Jahiliah menyatakan makna perkataan tersebut adalah sama. Namun, kedua-dua perkataan ini mengalami perubahan makna setelah munculnya al-Qur'an lalu menjelaskan *al-ghayth* ialah hujan yang memberi rahmat. Manakala *al-matar* diertikan sebagai hujan yang membawa azab dan kehancuran. Ini bermakna *al-ghayth* dan *al-matar* mempunyai makna spesifikasi yang tersendiri. Oleh itu, setiap perkataan dalam al-Qur'an boleh mempamerkan kehalusan makna yang tersendiri berdasarkan konteks ayat al-Qur'an.

Kenyataan dari semua tulisan tersebut amat menarik perhatian bagi mengenalpasti perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an secara terperinci. Dari kajian yang telah direalisasikan oleh mereka, kebanyakan kajian tersebut lebih membincangkan perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an semata-mata. Perincian terhadap pengulangan perkataan *al-ma'* dalam semua ayat al-Qur'an yang berbeza tidak dinyatakan. Penggunaan perkataan *al-ma'* dalam semua ayat yang berbeza juga tidak dinyatakan adakah penggunaan dari sudut bahasa Arab dan sebagainya sama atau sebaliknya. Maka, kekurangan dan kelemahan yang wujud ini menjadi masalah utama yang perlu diberikan perhatian. Justeru, artikel ini ingin menerokai kajian yang berkaitan perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an dari aspek bahasa Arab. Ia bertujuan untuk melihat penggunaan perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an menerusi aspek bahasa Arab. Kajian ini memfokuskan perbincangan terhadap analisis penggunaan perkataan *al-ma'* dalam al-Qur'an.

2.0 METODOLOGI

Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah analisis dokumen. Al-Qur'an dijadikan sumber utama dalam mengenalpasti dan menganalisis perkataan *al-ma'*. Terdapat empat perkataan *al-ma'* dikenalpasti untuk dikaji menerusi 19 ayat al-Qur'an yang berbeza daripada beberapa surah berlainan. Surah tersebut dipilih berdasarkan pandangan para ilmuan seperti ^oAydah (1990), al-^oAbadasah (2002), al-Za^oarir (2003), ^oUbaydiyyah (2003), Muhammad (2010) dan al-Bakri (2011). Aspek terjemahan ayat al-Qur'an adalah berpandukan kepada *Tafsir Pimpinan al-Rahman* kepada pengertian al-Qur'an (2001).

Pemilihan surah tersebut juga dibantu oleh *Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim* (2001). Perkataan dalam *mu'jam* ini disusun mengikut susunan huruf bermula dari huruf Alif hingga Ya'. Dari setiap huruf tersebut disenaraikan perkataan *al-ma'* dari aspek nama surah, kedudukan ayat dan kekerapan dalam al-Qur'an.

Perkataan *al-ma'* tersebut dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Perkataan tersebut digariskan dan diklasifikasikan mengikut surah dan ayat. Setiap perkataan tersebut dilihat asal usulnya berdasarkan kamus klasik Arab. *Mu'jam Lisan al-Arab* (1999), dijadikan sandaran utama kerana ia menghimpunkan pandangan sarjana bahasa seperti al-Azhari (2001), al-Farahidi (1988) dan al-Fairuz Abadi (2005). Kemudian, perkataan tersebut dianalisis dari aspek bahasa Arab seperti tatabahasa, retorik dan lain-lain yang berkaitan. Kitab *I'rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuahu* (1992), dijadikan sandaran utama untuk menilai aspek bahasa Arab tersebut.

3.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hasil penelitian mendapati bahawa terdapat ayat al-Qur'an yang dikenalpasti mengandungi perkataan *al-ma'* iaitu *matar*, *al-raj'*, *ka's* dan *al-furat*. Setiap daripada perkataan tersebut memperlihatkan penggunaannya dari aspek bahasa Arab.

Jadual 1: Perkataan *al-ma'* mengikut surah dan ayat

Perkataan	Surah	Kekerapan	Penggunaan
<i>matar</i>	al-Nisa', al-Furqan, al-Syu'ara', al-Naml	7	Tatabahasa, <i>ikhtisas</i>
<i>al-raj'</i>	Qaf, al-Tariq	3	Tatabahasa, <i>nazm al-Qur'an</i>
<i>Ka's</i>	al-Saffat, al-Waqi'ah, al-Insan, al-Thur, al-Naba'	6	Tatabahasa, <i>nazm al-Qur'an</i>
<i>al-furat</i>	al-Furqan, Fatir, al-Mursalat	3	Tatabahasa, <i>balaghah, nazm al-Qur'an</i>

i. Matar

(وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِن كَانَ بِكُمْ أَذَىٰ مِّن مَّطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَرْضَىٰ أَنْ تَضَعُوا أَسْلِحَتَكُمْ)

Maksud:

Dan tidaklah kamu berdosa meletakkan senjata masing-masing, jika kamu dihalangi sesuatu yang menyusahkan disebabkan hujan atau sakit (al-Nisa: 3: 102).

Menurut sarjana bahasa, perkataan *matar* berasal daripada perkataan *مطر* bererti air yang mengalir dari awan. *Matar* bererti air hujan dan kata jamaknya ialah *amtar*. *Matar* juga merujuk kepada nama bagi seorang lelaki sepertimana dalam rangkap puisi Arab:

لَا مَتَّكَ بِنْتُ مَطَرٍ مَا أَنْتَ وَابْنَةُ مَطَرٍ

Pandangan lain ada menyebut *مَطَرْتُهُمُ السَّمَاءُ* bermaksud mereka telah ditimpa hujan manakala *أَمْطَرَهُمُ اللَّهُ* bererti Allah menurunkan hujan untuk kehancuran dan azab. Kebanyakan ahli bahasa menyebut perkataan *مَطَرٌ* dan *أَمْطَرٌ* membawa makna yang sama (al-Zabidi, 1974). Perkataan *matar* ialah kata nama yang bermaksud air turun dari awan (al-Farahidi, 1988). Kesimpulannya, *matar* ialah hujan yang turun dari langit. Dalam al-Qur'an, perkataan *matar* mempunyai kekerapan sebanyak tujuh kali:

Jadual 2: Perkataan *matar*

Surah	Ayat	Maksud
al-Nisa'	وَلَا جُنَاحَ عَلَيْكُمْ إِنْ كَانَ بِكُمْ أَدَىٰ مِّنْ مَّطَرٍ أَوْ كُنْتُمْ مَّرْضَىٰ أَنْ تَضَعُوا أَسْلِحَتَكُمْ (١٠٢)	Dan tidaklah kamu berdosa meletakkan senjata masing-masing, jika kamu dihalangi sesuatu yang menyusahkan disebabkan hujan atau sakit.
al-A ^c raf	وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا (٨٤)	Dan Kami telah menghujani mereka dengan hujan (batu yang membinasakan). Oleh itu, lihatlah bagaimana akibat orang-orang yang melakukan kesalahan.
al-Naml	وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا (٥٨)	Dan Kami hujani mereka dengan hujan yang membinasakan.
al-Naml	فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْذَرِينَ (٥٨)	Maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa orang-orang yang telah diberi amaran.
al-Furqan	وَلَقَدْ أَتَوْا عَلَى الْقَرْيَةِ الَّتِي أَمْطَرْنَا مَطَرًا السَّوْءَ (٤٠)	Dan demi sesungguhnya, mereka (yang menentangmu wahai Muhammad) telah melalui bandar yang telah dihujani (dengan) azab yang buruk.
al-Syu ^c ara'	وَأَمْطَرْنَا عَلَيْهِمْ مَطَرًا (١٧٣)	Dan Kami hujani mereka dengan hujan (azab yang membinasakan).
al-Syu ^c ara'	فَسَاءَ مَطَرُ الْمُنْذَرِينَ (١٧٣)	Maka amatlah buruknya hujan azab yang menimpa kaum yang telah diberi amaran.

Dari sudut bahasa Arab, perkataan *matar* dapat dianalisis dari dua aspek utama iaitu tatabahasa dan *ikhtisas*. Aspek tatabahasa dapat diperhalusi pada ayat dari surah al-Nisa', al-A^craf, al-Furqan dan al-Syu^cara':

a. Tatabahasa

Dalam surah al-Nisa' (102), perkataan *matar* ialah *jar majrur* (Mahmud Sofi, 1995). Ini kerana terdapat partikel من pada perkataan *matar* yang menyebabkan ia berbaris bawah. Perkataan *matar* dalam surah al-A'raf (84) berfungsi sebagai *maf'ul bih* (al-Darwish, 1992). Dalam hal ini, al-Rajihi (1973) menyebut apabila berlaku pertambahan huruf alif pada pola perkataan فَعَلَ menjadi أَفْعَلَ, ia bermaksud التَّعْدِيَّة, iaitu memerlukan objek sebagai pelengkap. Oleh itu, perkataan أَمْطَرْنَا dalam ayat mengandungi pertambahan huruf alif yang membawa perubahan makna dan ia memerlukan objek sebagai pelengkap. Jika tiada objek, maksud ayat tersebut tergantung dan tidak jelas. Justeru, perkataan *matar* lebih sesuai dikatakan sebagai pelengkap kepada maksud ayat tersebut.

Dalam surah al-Naml (58), perkataan *matar* dalam potongan ayat pertama berfungsi sebagai *maf'ul bih* (Mahmud Sofi, 1995). Seperti yang telah dinyatakan, *maf'ul bih* adalah objek yang menjadi pelengkap kepada sesuatu ayat. Ia dapat dilihat menerusi kata kerja أَمْطَرْنَا dalam ayat yang memerlukan *maf'ul bih* sebagai pelengkap. Kata kerja tersebut pada asalnya ialah مطر dan terdapat pertambahan huruf alif lalu berubah kepada أَمْطَرَ. Perubahan tersebut membawa kepada perubahan makna. Oleh itu, perkataan *matar* dalam konteks ayat tersebut sesuai dikatakan pelengkap kepada maksud ayat.

Seterusnya, perkataan *matar* dalam surah al-Furqan (40) berfungsi sebagai *maf'ul mutlak* (Salih, 1998). Sepertimana yang dinyatakan oleh al-Fauzan (1995), *maf'ul mutlak* berfungsi sebagai penegasan, menerangkan jenis, bilangan sesuatu perkara. Maka, perkataan *matar* dalam ayat menjadi penegasan kepada azab yang diturunkan. Ia simbolik kepada hujan yang turun bahawa hujan tersebut bukan hujan semata-mata. Ia azab yang amat buruk dan kekuatan perkataan *matar* dapat dikaitkan dengan kata kerja أَمْطَرَتْ. Kata kerja tersebut ialah kata kerja *madhi* yang menerangkan perbuatan telah berlaku. Di sebalik kata kerja ini, ia juga menunjukkan sesuatu azab bukan hanya ditujukan kepada umat terdahulu. Ia boleh berlaku pada masa kini dan masa akan datang. Hakikatnya, ia boleh memberikan kesan terhadap diri pembaca yang mengamati ayat tersebut.

Dalam potongan ayat pertama dari surah al-Syu'ara' (173), perkataan *matar* berfungsi sebagai *maf'ul bih* (al-Darwish, 1992). Ia berperanan sebagai objek sepertimana yang telah dijelaskan konsep *maf'ul bih* dalam kupasan ayat sebelum ini. Perkataan *matar* mempunyai kaitan dengan kata kerja أَمْطَرْنَا yang menyebabkan ia diperlukan sebagai pelengkap ayat. Kata

kerja tersebut mempunyai penambahan huruf yang membawa kepada perubahan maksud ayat. Ia boleh menyebabkan maksud ayat tergantung jika tiada *maf'ul bih*. Justeru, perkataan *matar* adalah pelengkap kepada maksud ayat tersebut.

b. *Ikhtisas*

Aspek *ikhtisas* difokuskan kepada dua ayat dari surah al-Naml (58) dan al-Syu'ara' (173). Perlu difahami bahawa pengkhususan yang dimaksudkan ialah konsep celaan yang dikhususkan kepada sesuatu. Salih (1998) berpendapat bahawa perkataan *matar* dalam kedua-dua ayat al-Qur'an ini menzahirkan celaan yang ditujukan kepada sesuatu perkara. Dari konteks ayat tersebut, terdapat perkataan *سَاءَ* yang bererti *بُئْسَ* iaitu amat buruk atau seburuk-buruk. Ia pengkhususan yang ditujukan kepada *matar* bahawa seburuk-buruk hujan yang diturunkan ialah hujan azab. Ia menepati pandangan al-Ghalayini (1912) yang menyebut bahawa *نَعْمَ* ialah lafaz yang mengandungi unsur pujian dan *بُئْسَ* ialah lafaz yang dikhususkan kepada celaan. Kedua-dua lafaz tersebut mengandungi unsur hiperbola. Sehubungan itu, dapat dikatakan celaan yang dikhususkan pada perkataan *matar* dalam kedua-dua ayat ialah hujan azab yang amat dahsyat. Ia menggambarkan kekuatan setitis air hujan yang turun mampu menghancurkan segala-galanya.

ii. *al-raj'*

(وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ)

Maksud:

Demi langit yang berulang-ulang mencurahkan hujan (al-Tariq: 86: 11).

Perkataan *al-raj'* berasal daripada perkataan *رَجَعَ رَجْعًا وَرَجُوعًا وَرَجْعَانًا وَمَرَجَعًا وَمَرَجَعَةً* yang bererti kembali. *al-raj'* bererti hujan kerana ia berulang-ulang kali turun ke bumi (Ibn Manzur, 1999). Pandangan lain menyebut *al-raj'* berasal daripada *رجع* dan *al-raj'* bererti hujan. Dalam satu rangkap puisi Arab ada disebut (al-Farahidi, 1988):

وَجَاءَتْ سِلَّتِي لَمْ يَرْجِعْ فِيهَا لَا صَدْعٌ فَتَحْتَلِبُ الرَّعَاءَ

Dalam *Mu'jam al-Wasit* (1972), disebut *al-raj'* menginterpretasikan beberapa makna iaitu sesuatu yang keluar dari kepala bayi ketika lahir, air, hujan, faedah, manfaat. Pendapat lain menyebut *al-raj'* berasal daripada perkataan رجع iaitu kembali. Ia mengandungi berbagai-bagai makna iaitu hujan, najis, tahi, sesuatu yang keluar dari kepala bayi ketika lahir seperti lendir, hujan yang berulang-ulang, faedah (Abu Abdullah Hanafi, 2006). Oleh itu, dapat dikatakan *al-raj'* ialah hujan yang berulang-ulang. Ia berulang-ulang kerana hujan tersebut turun ke bumi kemudian naik semula ke langit menjadi wap dan kemudian turun semula ke bumi. Begitulah prosesnya yang berulang-ulang. Dalam al-Qur'an, *al-raj'* mengandungi tiga kali kekerapan dalam surah yang berbeza iaitu:

Jadual 3: Perkataan *al-raj'*

Surah	Ayat	Maksud
Qaf	أَعِدَّا مِثْنًا وَكُنَّا تُرَابًا ذَلِكَ رَجْعٌ بَعِيدٌ (٣)	Adakah (kita akan kembali hidup) sesudah kita mati dan menjadi tanah? Itu adalah cara kembali yang jauh (dari kemungkinan), kerana jasad yang telah hancur tidak dapat diketahui lagi. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa untuk mengembalikannya (hidup semula sesudah mati).
al-Tariq	إِنَّهُ عَلَى رَجْعِهِ لَقَادِرٌ (٨)	Demi langit yang berulang-ulang mencurahkan hujan.
al-Tariq	وَالسَّمَاءِ ذَاتِ الرَّجْعِ (١١)	

Dari sudut bahasa Arab, perkataan *al-raj'* dapat dilihat menerusi dua aspek utama iaitu tatabahasa dan *nazm al-Qur'an*:

a. Tatabahasa

Perkataan *al-raj'* dalam surah Qaf (ayat 3) menyerlahkan fungsinya sebagai predikat (Salih, 1998). Dalam terminologi bahasa Arab, predikat disebut *khavar* dan ia berkait rapat dengan satu lagi unsur yang disebut *mubtada'* (subjek). Dari potongan ayat ini, frasa رَجْعٌ بَعِيدٌ berperanan sebagai predikat yang melengkapkan cerita ayat tersebut. Berdasarkan pandangan al-Rajhi (2000), beliau menyebut bahawa predikat merupakan asas utama kepada pelengkap sesuatu ayat dan ia menyempurnakan makna ayat. Atas dasar ini, dapat dikatakan *al-raj'* ialah pelengkap yang menyempurnakan maksud ayat. Jika perkataan *al-raj'* dibuangkan, maksud ayat tersebut janggal dan tidak jelas.

Dalam surah al-Tariq, *al-rajʿ* dalam kedua-dua ayat mempunyai dua fungsi berlainan iaitu *khavar* dan *mudhaf ilaih* (Salih, 1998). Dalam ayat 8, عَلَى رَجْعِهِ لَقَادِرٌ berada dalam kedudukan sebagai predikat yang menceritakan kisah di sebalik ayat. Ketiga-tiga perkataan merupakan gabungan lengkap antara satu sama lain dari sudut makna dan cerita kepada ayat. Jika perkataan *al-rajʿ* atau salah satu daripada ketiga-tiga perkataan tersebut dibuang, ayat tersebut tergantung maksudnya dan ia tidak menepati konsep subjek dan predikat yang telah digariskan oleh sarjana bahasa. Kesimpulannya, *al-rajʿ* dalam konteks ayat merupakan antara kekuatan kepada aspek cerita yang disampaikan.

Dalam ayat 11, *al-rajʿ* berkedudukan sebagai *mudhaf ilaih*. Menurut ahli bahasa, *idhafah* merujuk kepada dua perkataan *isim* bersandaran antara satu sama lain (al-Fauzan, 1995). Dalam hal ini, perlu difahami bahawa *idhafah* mengandungi dua elemen utama iaitu *mudhaf* dan *mudhaf ilaih*. Kedua-dua elemen ini saling bersandaran antara satu sama lain dari sudut makna dalam sesuatu ayat. Berbalik kepada ayat, ذات dan الرجع ialah dua perkataan yang dikategorikan sebagai *idhafah*. Perkataan ذات ialah *mudhaf* dan الرجع ialah *mudhaf ilaih*. Kedua-duanya saling bersandaran antara satu sama lain dari sudut makna dan sekiranya salah satu daripada kedua-dua perkataan dibuang, ayat tersebut dikira tidak menepati konsep *idhafah* dan boleh menjejaskan maksud ayat. Maka, *al-rajʿ* dalam ayat menjadi penyampai maksud yang jelas bagi *mudhaf* dan *mudhaf ilaih*.

b. *Nazm al-Qur'an*

Melihat kepada aspek aspek *nazm al-Qur'an*, ia dapat diperhatikan pada kedua-dua ayat dalam surah al-Tariq. Dalam ayat 8, perkataan رَجْعٌ بَعِيدٌ menunjukkan dua baris tanwin yang sama. Apabila disebutkan perkataan tersebut, ia menghasilkan intonasi bunyi pada perkataan. Begitu juga ayat 11, perkataan السماء , ذاتِ dan الرجع mempunyai baris bawah yang sama. Ini membuktikan bahawa al-Qur'an mengandungi struktur susunan dan padanan perkataan yang halus. Ia bukan sekadar melibatkan perkataan sahaja malah huruf dan juga baris. Tegasnya, fungsi baris pada perkataan bukan sekadar hiasan tetapi, ia berperanan sebagai penguat *fasahah* al-Qur'an walaupun huruf yang tersusun dalam satu perkataan mempunyai makhraj yang berbeza. Namun, ia menjadikan perkataan tersebut indah apabila diungkap dan didengari.

iii. Ka's

(يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكُؤْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ)

Maksud:

Diedarkan kepada mereka piala yang berisi arak (yang diambil) dari sungainya yang mengalir (al-Saffat: 37: 45).

Perkataan *ka's* mempunyai beberapa pandangan dalam kalangan para sarjana bahasa. Antaranya ialah *ka's* merujuk kepada bekas yang berisi minuman. Abu Hatim menyebut *ka's* ialah minuman. Ibn Sidah menyebut bahawa *ka's* ialah arak dalam bekas sepertimana dalam rangkap puisi berikut (Ibn Manzur, 1999):

كَأْسٌ عَزِيزٌ مِنَ الْأَعْنَابِ عَنَّقَهَا لِبَعْضِ أَرْبَابِهَا حَائِيَّةٌ حَوْمٌ

Pandangan lain menyebut *ka's* ialah bekas yang digunakan untuk minum (al-Fairuz Abadi, 2005). Dalam *Mu'jam al-Wasit* (1972), ada disebut bahawa *ka's* merujuk kepada bekas atau gelas berisi arak. Selain itu, pendapat lain menyatakan bahawa *ka's* ialah piala, gelas, gelas arak (Abu Abdullah Hanafi, 2006). Oleh itu, dapat dikatakan *ka's* merujuk kepada bekas yang berisi minuman atau arak. Dari sudut al-Qur'an, perkataan *ka's* mengandungi pengulangan sebanyak enam kali:

Jadual 4: Perkataan *ka's*

Surah	Ayat	Maksud
al-Saffat	(يُطَافُ عَلَيْهِمْ بِكُؤْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ (٤٥))	Diedarkan kepada mereka piala yang berisi arak (yang diambil) dari sungainya yang mengalir. Mereka di dalam syurga itu (kerana melahirkan kemesraan antara satu dengan yang lain) berebut-rebut mengambil piala yang berisi arak.
al-Thur	(يَتَنَزَّعُونَ فِيهَا كُؤْسًا (٢٣))	Dengan membawa piala-piala minuman dan teko-teko serta piala atau gelas yang berisi arak (yang diambil) dari sungainya yang mengalir.
al-Waqi'ah	(بِأَكْوَابٍ وَأَبَارِيقٍ وَكُؤْسٍ مِّنْ مَّعِينٍ (١٨))	Sesungguhnya orang-orang yang berbakti (dengan taat dan kebajikan), akan meminum dari piala sejenis minuman yang bercampur dengan "Kafur".
al-Insan	(إِنَّ الْأَبْرَارَ يَشْرَبُونَ مِنْ كُؤْسٍ كَانَ مِزَاجُهَا كَافُورًا (٥))	Dan mereka dalam syurga itu, diberi

	زَنْجَبِيلًا (١٧)	minum sejenis minuman yang campurannya dari halia.
al-Naba'	وَكَأْسًا دِهَاقًا (٣٤)	Serta piala atau gelas yang penuh dengan minuman.

Dari aspek bahasa Arab, perkataan *ka's* dapat diperhalusi menerusi dua aspek utama iaitu tatabahasa dan *nazm al-Qur'an*:

a. Tatabahasa

Dalam surah al-Saffat (45), *ka's* ialah *jar majrur* (Mahmud Sofi, 1995). Ia dikatakan *jar majrur* kerana terdapat partikel *ba'* pada perkataan *ka's* yang menyebabkan ia berbaris bawah. Dalam surah al-Thur (23), perkataan *ka's* berfungsi sebagai *maf'ul bih* (al-Darwish, 1992). Melihat kepada pandangan al-Uthaimin (2011), beliau menyebut *maf'ul bih* ialah pelengkap kepada maksud sesuatu ayat dan ia boleh dibuang berdasarkan keadaan tertentu. Atas alasan ini, dapat dikatakan perkataan *ka's* ialah objek yang menjadi pelengkap ayat tersebut. Ia merujuk kepada sesuatu yang diambil iaitu piala.

Seterusnya, perkataan *ka's* dalam surah al-Waqi'ah menunjukkan ia adalah *ma'tuf* (Salih, 1998). Dalam hal ini, perlu dijelaskan terlebih dahulu konsep *ma'tuf* yang ditetapkan oleh sarjana bahasa. Pada asasnya, *ma'tuf* merujuk kepada perkataan *isim* yang didahului partikel *wau* dan ia berfungsi untuk menyamakan baris (al-Fadhli, 1980). Ini bermakna ia berfungsi menyamakan baris dengan perkataan *isim* yang lain. Perkara ini dapat dilihat pada perkataan كَأْسٍ yang didahului partikel *wau*. Fungsi partikel tersebut ialah menyamakan baris dan ia dapat dilihat perkataan *ka's* berbaris bawah disebabkan oleh perkataan sebelumnya بِأَكْوَابٍ berbaris bawah.

Dalam surah al-Insan, perkataan *ka's* diulang dalam ayat 5 dan 17. Dalam ayat 5, *ka's* berfungsi sebagai predikat kepada partikel إِنَّ (Mahmud Sofi, 1995). Dalam ayat tersebut, predikat terdiri daripada tiga perkataan iaitu يَشْرِبُونَ مِنْ كَأْسٍ dan membentuk satu gabungan predikat yang lengkap. Perkara seperti ini telah dinyatakan oleh al-Rajhi (2000) bahawa predikat terdiri daripada dua bentuk iaitu *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*. Dalam ayat tersebut, struktur predikat lebih menjurus kepada *jumlah fi'liyyah* dan jika perkataan *ka's* dibuangkan, maksud ayat tersebut menjadi cacat dan janggal. Dalam ayat 17, *ka's* berfungsi

sebagai *maf'ul bih* (al-Darwish, 1992). Perlu difahami struktur ayat dalam bahasa Arab terdiri daripada dua bentuk iaitu *jumlah ismiyyah* dan *jumlah fi'liyyah*. al-Fadhli (1980) menyebut bahawa pembahagian *jumlah* yang utama dalam bahasa Arab ialah *ismiyyah* dan *fi'liyyah*. Oleh itu, ayat al-Qur'an tersebut dikategorikan sebagai *jumlah fi'liyyah* dan lazimnya struktur ayat seperti ini mengandungi tiga unsur iaitu *fi'il* (kata kerja), *fa'il* (pelaku) dan *maf'ul bih* (objek). Maka, perkataan *ka's* telah menepati kriteria yang ada sebagai objek dan ia menjadi pelengkap kepada ayat.

Dalam surah al-Naba' (34), perkataan *ka's* berfungsi sebagai *ma'tuf* (al-Darwish, 1992). Perlu diketahui bahawa *ma'tuf* bersangkut paut dengan partikel *wau* dalam sesuatu ayat. Ini kerana partikel *wau* mengandungi berbagai-bagai penggunaan dalam bahasa Arab. Sulaiman Fayyad (1998) menyebut bahawa partikel *wau* mengandungi lima penggunaan iaitu *mu'jamiyyah*, *sautiyyah*, *sarfiyyah*, *nahwiyyah* dan *kitabah*. Dari sudut *nahwiyyah*, partikel *wau* mempunyai fungsi antaranya ialah penyambung ayat. Dengan berlandaskan pandangan ini, perkataan *ka's* dalam ayat tersebut ialah penyambung kepada ayat al-Qur'an sebelumnya. Ia bukan sekadar penyambung kepada ayat sebelumnya malah, sebagai penyambung kepada perjalanan kisah yang disebut dalam ayat al-Qur'an sebelumnya.

b. *Nazm al-Qur'an*

Melihat kepada *nazm al-Qur'an*, ia dapat diperhatikan pada ayat dari surah al-Saffat, al-Waqi'ah dan al-Naba'. Perkataan *ka's* dalam surah al-Saffat (45) menunjukkan padanan antara perkataan dan partikel. Perkataan *يَكْسِي* dan *مِنْ مَعِينٍ* mempamerkan susunan partikel *jar* dan perkataan yang berbaris sama. Ia menghasilkan susunan baris yang sama dan intonasi apabila diungkapkan. Walaupun padanan perkataan tersebut mempunyai makhraj huruf yang berbeza, ia menghasilkan keindahan nada apabila disebutkan. Hal yang sama juga dilihat pada surah al-Waqi'ah (18) iaitu kesenian struktur perkataan dan huruf dalam ayat. Begitu juga surah al-Naba' (ayat 34) menunjukkan padanan perkataan *كَأَسَا* dan *دِهَاقًا* menghasilkan intonasi yang menjadi penguat kepada *fasahah* al-Qur'an. Pada zahirnya, nampak seperti sukar untuk diungkapkan pada lidah namun apabila dilafazkan, ia menjadi indah apabila didengari. Ini menunjukkan bahawa baris dalam sesuatu perkataan al-Qur'an bukan hanya hiasan tetapi menjadikan kosa kata al-Qur'an itu indah dan terhindar dari cacat cela.

iv. al-furat

(وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَامِخَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُمْ مَاءً فُرَاتًا)

Maksud:

Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-gunung yang menetapnya, yang tinggi menjulang dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga? (al-Mursalat: 77: 27).

Dari sudut *mu'jamiyyah*, sarjana bahasa menyebut perkataan *furat* berasal daripada kata dasar فَرَّتْ يَفْرُتُ فُرُوتَةٌ bererti tawar. *al-furat* bererti air yang tawar. Dalam rangkap puisi Arab ada disebut (Ibn Manzur, 1999):

فَجَاءَ بِهَا مَاشِئَتٌ مِنْ لَطْمِيَّةٍ يَدُومُ الْفُرَاتُ فَوْقَهَا وَيَمُوجُ

Al-Farahidi (1988) dan al-Fairuz Abadi (2005) menyebut perkataan *furat* bermaksud air yang sangat tawar. Dalam *Mu'jam al-Wasit* (1972) ada disebut perkataan *furat* bermaksud air yang sangat tawar. Manakala pandangan lain pula menyebut bahawa perkataan *furat* ialah air tawar (Abu Abdullah Hanafi, 2006). Dalam hal ini, dapat dinyatakan bahawa perkataan *furat* merujuk kepada air yang sangat tawar. Dalam Al-Qur'an pula, perkataan tersebut dapat diperhatikan menerusi tiga surah yang berbeza:

Jadual 5: Perkataan *furat*

Surah	Ayat	Maksud
al-Furqan	وَهُوَ الَّذِي مَرَجَ الْبَحْرَيْنِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ (٥٣)	Dan Dialah Tuhan yang telah mengalirkan dua laut berdampingan, yang satu tawar lagi memuaskan dahaga.
Fatir	وَمَا يَسْتَوِي الْبَحْرَانِ هَذَا عَذْبٌ فُرَاتٌ سَائِغٌ شْرَابُهُ (١٢)	Dan tidaklah sama keadaan dua laut (sekalipun satu jenisnya), yang satu tawar lagi memuaskan dahaga serta sesuai diminum.
al-Mursalat	وَجَعَلْنَا فِيهَا رَوَاسِيَ شَامِخَاتٍ وَأَسْقَيْنَاكُمْ مَاءً فُرَاتًا (٢٧)	Dan Kami telah jadikan di bumi gunung-gunung yang menetapnya, yang tinggi menjulang dan Kami telah memberi minum kepada kamu air yang tawar lagi memuaskan dahaga?

Dari sudut bahasa Arab, perkataan *furat* dapat dianalisis menerusi tiga aspek utama iaitu tatabahasa, *balaghah* dan *nazm al-Qur'an*.

a. Tatabahasa

Menurut al-Darwish (1992), perkataan *furat* dalam surah al-Furqan (53) dan Fatir (12) ialah *khobar*. Apabila menyebut tentang *khobar*, ia tidak dapat dipisahkan dengan *mubtada'* (subjek). *Khobar* atau predikat ialah cerita yang menerangkan tentang subjek atau *mubtada'*. Dari konteks ayat, terdapat dua perkataan yang menjadi *khobar* iaitu *'azb* dan *furat*. Kedua-dua perkataan ini menerangkan tentang keadaan laut yang bersifat tawar. Ia memperlihatkan keadaan air laut yang bersifat tawar dan memberikan satu kepuasan apabila diminum.

b. Balaghah

Dalam surah al-Mursalat (27), perkataan *furat* menerangkan satu fungsi yang disebut *al-tankir* (Mahmud Sofi, 1995). Konsep *al-tankir* ini telah dijelaskan oleh Fadl Hasan 'Abbas (1997) yang menyebut bahawa *al-tankir* merujuk kepada perkataan bersifat *nakirah* dan tidak dikhususkan kepada sesuatu atau seseorang. Sehubungan itu, perkataan *furat* dalam ayat ialah *nakirah* dan ia tidak dikhususkan kepada air tawar yang tertentu. Di sebalik *al-tankir* yang tertera pada perkataan *furat*, ia menunjukkan air tawar tersebut adalah sebahagian daripada gunung-ganang. Ini kerana air yang mengalir dari gunung-ganang bersumberkan air hujan yang turun lalu mengalir ke gunung-ganang dan menjadi air yang memuaskan dahaga apabila diminum. Air tersebut tidak khususkan kepada mana-mana gunung-ganang atau hujan atau sumber yang mengalirkannya.

c. Nazm al-Qur'an

Aspek *nazm al-Qur'an* dapat diperhatikan pada frasa *ماءٌ فراتًا* dan *عذبٌ فراتٌ*. Kedua-dua frasa tersebut menunjukkan keindahan struktur perkataan dihiasi baris yang sama. Apa yang dilihat ialah kedua-dua frasa ini adalah gabungan perkataan antara kata nama dengan kata nama. Dari sudut baris pula, kedua-dua frasa berbaris tanwin dan membentuk intonasi nada apabila dilafazkan. Tegasnya di sini ialah struktur pemilihan perkataan dalam al-Qur'an adalah sempurna dan terhindar daripada sesuatu yang aib dan cacat. Pemilihan perkataan dan baris yang sempurna menggambarkan struktur perkataan sesuatu ayat al-Qur'an bukannya datang

daripada ungkapan manusia. Setiap perkataan dalam al-Qur'an mempunyai keunikan dan keindahan kosa katanya tersendiri.

4.0 KESIMPULAN

Dari kupasan yang telah dibincangkan, dapat diketahui bahawa perkataan *matar*, *al-raj'*, *ka's* dan *furat* mempunyai pengulangan yang berbeza mengikut kedudukan ayat dalam al-Qur'an. Dari sudut bahasa Arab, dapat diperhatikan setiap perkataan tersebut menampilkan aspek penggunaan yang berbagai-bagai. Dari sudut tatabahasa, penggunaannya dapat dilihat dari aspek *majrur*, *maf'ul bih*, *maf'ul mutlak*, *khobar* dan *idhafah*. Dari sudut *balaghah*, ia dapat dilihat menerusi aspek *al-tankir* yang tertera pada perkataan *furat*. Manakala aspek *nazm al-Qur'an* menyerlahkan keindahan struktur perkataan, huruf dan baris dalam sesuatu ayat al-Qur'an. Ini menunjukkan bahawa setiap perkataan dalam al-Qur'an mempunyai kepentingan tersendiri. Kesimpulannya, al-Qur'an mempunyai metode penggunaannya tersendiri terhadap semua perkataan yang terkandung di dalamnya sebagai membuktikan kemukjizatan al-Qur'an menerusi perspektif bahasa Arab.

RUJUKAN

- Abu Abdullah Hanafi Bin Hj. Dollah. 2006. *Qamus al-Khalil al-Siyaqi al-Shamil*. Kuala Lumpur: Prospecta Printers Sdn. Bhd.
- al-[°]Abadasah, Fathi [°]Abd al-[°]Aziz. 2002. al-Ma' fi al-Qur'an al-Karim-Dirasah Mawdu[°]iyah. Tesis Sarjana, Takhasus Usuluddin, al-Jami[°]ah al-Islamiyyah Ghazzah, Palestin.
- al-Bakri, Husayn Muhaysan Khatlan. 2011. al-Alfaz al-Mu[°]abbarah [°]an al-Matar fi al-Qur'an al-Karim. *Majallat Kuliyyat al-Tarbiyyah li al-Banat* 22(1): 1-10.
- al-Darwish, Mahy al-Din. 1992. *F[°]rab al-Qur'an al-Karim wa Bayanuhu*. Dimashq: Dar al-Yamamah.
- al-Farahidi, al-Khalil bin Ahmad. 1988. *Kitab al-[°]Ayn*. Beirut: Mu'assasat al-A[°]la.
- al-Fauzan, [°]Abdullah bin Salih. 1995. *Dalil al-Masalik ila Alfiyyah Ibn Malik*. Dar al-Muslim.
- al-Fairuz Abadi, Majd al-Din bin Ya[°]qub. 2005. *al-Qamus al-Muhit*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- al-Fadhli, [°]Abd al-Hadi. 1980. *Mukhtasar al-Nahw*. Mamlakah al-[°]Arabiyyah al-Sa[°]udiyyah: Dar al-Syuruq.
- al-Ghalayini, Mustafa. 1912. *Jami[°] al-Durus al-[°]Arabiyyah*. Beirut: Manshurat al-Maktabah al-[°]Asriyyah.
- Ibn Manzur, Muhammad bin Mukarram bin [°]Ali Abu Fadl Jamal al-Din. 1999. *Lisan al-[°]Arab*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-[°]Arabi.
- Mahmud Sofi. 1995. *al-Jadwal fi F[°]rab al-Qur'an wa Sarfihi wa Bayanihi*. Dimashq: Dar al-Rashid.
- Muhammad, Salah al-Din Salim. 2010. Lafz al-Ma' wa ma Yadullu [°]Alayhi fi Nusus min al-Tanzil. *Majallat Abhath Kuliyyat al-Tarbiyyah al-Asasiyyah* 9(4): 279-297.
- al-Rajih, [°]Abduh. 1973. *al-Tatbiq al-Sarfi*. Beirut: Dar al-Nahdah al-[°]Arabiyyah.
- al-Rajih, [°]Abduh. 2000. *al-Tatbiq al-Nahwi*. Beirut: Dar al-Ma[°]rifah al-Jami[°]iyah.
- Salih, Bahjat [°]Abd al-Wahid. 1998. *al-F[°]rab al-Mufassal li kitabbillah al-Murattal*. [°]Amman: Dar al-Fikr.
- Sheikh Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Sulaiman Fayyad. 1998. *Istikhdamat al-Huruf al-^ḥArabiyyah*. al-Riyad: Dar al-Marikh.

^ḥUthman, Nabih ^ḥAbd al-Rahman. 1986. *Mu^ḥjizah Khalq al-Insan Baina al-Tibb wa al-Qur'an*. Makkah: Matba'ah Rabitah al-A^ḥlam al-Islami.

al-^ḥUthaimin, Muhammad bin Salih. 2011. *Taisir Qawa^ḥid al-Nahw li al-Mubtadi'in*. Misr: Dar al-^ḥUlum wa al-Hikm.

al-Zabidi, Muhammad Murtadha al-Husaini. 2001. *Taj al-^ḥArus min Jawahir al-Qamus*. al-Kuwait: Matba^ḥah Hukumah al-Kuwait.